


# Remaja dakwa dirogol tiga kenalan WeChat

BERITA HARIAN 26/3/17 m/s 65

 Mangsa akui suspek datang ke rumah ketika ibu bapa tiada

Oleh Siti Azila Alias  
sitiiazila@bh.com.my

Hulu Selangor

Seorang remaja berusia 16 tahun dari Kallang, dekat sini, membuat laporan polis kerana mendakwa dirogol tiga lelaki yang dikenalnya menerusi aplikasi sosial

WeChat.

Ketua Polis Daerah Hulu Selangor, Superintendan R Supramaniam, berkata mangsa yang membuat laporan pada 18 Mac lalu mendakwa, kejadian berlaku beberapa kali antara Januari lalu hingga bulan ini.

Katanya, semua perbuatan itu dilakukan di dalam bilik di rumah mangsa ketika ibu bapanya tiada di rumah.

“Berdasarkan siasatan, mangsa mengakui mengenali semua lelaki itu menerusi aplikasi WeChat yang kemudian mendapati mereka adalah rakan dan kenalannya di sekolah.

## Pantau anak

“Berdasarkan soal siasat, mangsa mengaku melakukan hubungan seks dengan

tiga lelaki berkenaan sejak tiga bulan lalu,” katanya di sini, semalam.

Susulan itu katanya, tiga lelaki berusia 15 hingga 19 tahun ditahan dan semua mereka direman sehingga 31 Mac ini untuk siasatan lanjut mengikut Seksyen 376 Kanun Keseksaan kerana merogol.

Mengulas lanjut kes berkenaan, Supramaniam mengingatkan ibu bapa supaya sentiasa memantau pergerakan anak mereka berikutan kepesatan teknologi pada masa ini yang mendedahkan mereka dengan pelbagai aplikasi sosial hingga boleh membawa kepada kemudaratan.

Katanya, ibu bapa juga perlu peka dengan setiap perlakuan anak mereka bagi mengelakkan kejadian sebegini.